

AL-QURAN AL-KARIM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

Rencana “al-Quran pusat kebudayaan dunia” ialah tulisan penulis Islam yang terkenal Tuan Sharīf Thamān pemimpin umum majalah “Suara Parti Masyumi” yang tersiar dalam majalahnya itu. Di sini kita menurunkan patinya sebagai penutup bagi siaran yang pertama yang tersiar di dalam Qalam bilangan yang lalu- P. Q.

Al-Quran Pusat Peradapan Dunia

Doktor Saluman seperti yang kita selainkan itu mengatakan bahasa sesudah Nabi Muhammad (SAW) lahir maka pusat peradapan, pengetahuan dan kebudayaan dunia telah berpindah ke negara Arab dan berkekalan di sana beratus-ratus tahun lamanya iaitu dari kurun yang kedelapan hingga kurun yang keempat belas. Sepanjang-panjang masa itu memancarlah peradapan pengetahuan, kesenian dari negara Arab ke seluruh penjuru dunia. Peradapan dan kebudayaan ini menjalar dengan dirasanya jauh lebih cepat daripada kebudayaan Rom Greek tua. Kebudayaan Eropah sekarang mendapat pusat kehidupan yang penting daripada Islam.

Lord Headly, menerangkan di dalam bukunya “*The Three Prophets of The World*” maksudnya: Kebudayaan kita sekarang, kebanyakan bahan-bahannya ialah dari faedah dan hasil daripada kebudayaan Islam di Sepanyol Sicily dan Timur dekat.

Keterangan ini adlaah pengakuan yang terang dari seorang Barat, bahawa Islam telah memberikan sumbangan yang sangat besar bagi peradapan Barat sekarnag, jalan-jalan yang merupakan perlawanan di antara pusat peradapan Islam dengan Eropah telah diterangkan oleh William H. Hall M. A. dalam

bukunya “*Western Education in Moslem Land*”

maksudnya:

“Ajaran Islam telah mengalir ke negara-negara Eropah melalui tiga saluran; orang yang mengunjungi Palestin dan tentera-tentera salib yang balik dari sana, kaum-kaum pelajar Arab dan perguruan-perguruan di Polosisly, dan orang-orang Arab-Morocco dari Sepanyol. Dari tiga pusat inilah Eropah mempelajari falsafah, berbagai pengetahuan, ilmu hisab dan ilmu perubatan dari negeri Islam.”

Kebudayaan, pengetahuan, inilah kemudiannya merupakan bahagian yang penting dan besar dari kebudayaan Eropah sekarang, sebagaimana pengakuan Lord Headly yang tersebut.

Perbezaan Dua Kebudayaan Ini

Menurut keterangan Doktor Sulaiman yang tersebut di atas, kebudayaan peradapan dunia, mengalir dari dua pusat, iaitu kebudayaan Rom-Kristian dan Islam. Di manakah letaknya perbezaan kedua-dua kebudayaan dan peradapan ini? Perbezaannya berada dari pokok sampai kepada cabang-cabangnya. Perbezaan yang ada di pokok-pokok menumbuhkan perbezaan di cabang-cabangnya.

Perbezaan itu ialah: kebudayaan dan peradapan

Rom Kristian, tumbuh dari dua pusat iaitu kerajaan Rom dan gereja Kristian. Kerajaan Rom menghasilkan kebudayaan dan peradapan yang semata-mata keduniaan, sedang Kristian membawa ajaran yang semata-mata keruhanian atau perhubungan manusia dengan Tuhan, kedua-duanya berpisah tidak bersatu, tetapi cukup mencukupi dan tambah menambah. Masing-masingnya mempunyai lapangan sendiri, yang berbeza-beza, dan didokong oleh badannya sendiri-sendiri. kerajaan didokong oleh Qisar dengan pemerintahan, sedang Kristian oleh Paus (paderi besarnya) dan badan gereja.

Kebudayaan dan peradapan Islam berasal dari satu pusat iaitu al-Quran al-Karim yang dibawa oleh Nabi Muhammad (SAW), dan ditafsirkan oleh hadis-hadisnya. al-Quran membawa ajaran-ajaran yang memimpin keruhanian serta 'abudiyah kepada Tuhan dan ajaran-ajaran untuk kehidupan dunia. Untuk pegangan ruhani pula, Islam mengajarkan keesaan (tawhid) Tuhan yang Maha Kuasa dan berbagai pimpinan beribadat. Untuk kehidupan dunia, al-Quran membawa dasar-dasar pokok bagi mengurus masyarakat sampai kepada bentuk badan masyarakat yang tertingginya, yang biasa disebut negara. Oleh sebab itu memisahkan dunia adalah 'ubudiyah (keruhanian) dengan soal kehidupan dunia adalah mengikut pusat Rom Kristian dan menyatukannya adalah mengikut al-Quran.

Al-Quran Kitab Yang Hidup

Banyak orang yang belum kenal dengan isis al-Quran, bertanya dengan cara menginkari, bolehkah al-Quran dipakai untuk mengatur kehidupan atau masyarakat dalam dunia yang maju ini?

Jawabnya, al-Quran diturunkan untuk seluruh manusia dalam segala zaman. Al-Quran ialah sebuah kitab undang-undang yang hidup dari zaman ke zaman, dan dari keturunan demi keturunan. Al-Quran mengandungi dasar-dasar hukum untuk mengatur kehidupan manusia, cara menunaikan dan

menyelesaikan masalah-masalah yang tumbuh, sesuai dengan masa dan keadaan. Cara-cara pelaksanaan dapat berubah menurut zaman, tapi dasar-dasar tetap seperti sedia kala.

Doktor Khalifah 'Abdul Ḥakīm (Pakistan) dalam bukunya "*The Islamic Ideologie*" menerangkan di antara lain-lain:

"Islam tidak membawa undang-undang yang luas dan meliputi segenap perkara, ia hanya membawa pokok-pokok dan dasar-dasar dari hidup yang berdaya, yang dapat menjamin ketenteraman perbezaan dan kemakmuran masyarakat.

Ajaran-ajaran dan undang yang termaktub dalam al-Quran adalah hidup, tidak kaku dan tidak mati. Oleh sebab itu ia telah berkembang ke bahagian besar dunia, dan telah dapat pula bertahan dari suatu kurun ke suatu kurun sampai hari ini dengan melalui berbagai percubaan sejarah."

Sifat-sifat Islam yang Utama

Apakah sebabnya, Islam yang berpedoman kepada al-Quran dan hadis, menjadi undang-undang hidup yang dapat memimpin manusia dalam seluruh zaman? Sepanjang yang diketahui, Islam menurut al-Quran dan hadis, mempunyai empat sifat: Kecergasan, mencipta, lapang dada, dan sanggup menerima.

Sifat Islam yang pertama ialah kecergasan, iaitu bergerak terus di sepanjang masa. Soal ini dapat kita lihat dalam perintah Islam yang mewajibkan pemeluk-pemeluknya mempelajari segala jenis pengetahuan, baik sahaja yang berpunca dari Islam atau lainnya. Bukan sahaja memberi nilai yang tinggi kepada ilmu pengetahuan bahkan memberi galakan yang besar, sebagaimana yang disebutkan oleh junjungan kita (SAW):

"Pelajarilah ilmu pengetahuan, mulai dalam buaian sampai ke luabng lahad."

"Pelajarilah ilmu pengetahuan, walau di negeri Cina sekalipun."

Dua hadis ini menggambarkan bahawa umat Islam diwajibkan belajar terus menerus dengan tidak berperenggan dan tidak pula dihalangi oleh jauhnya tempat punca ilmu pengetahuan itu.

Yang kedua, mencipta. Sudah maklum tidak ada hukum-hukum yang dapat meliputi seluruh selok belok kehidupan. Kehidupan manusiatumbuh dari semasa ke semasa, oleh itu maka hukum-hukum yang mengaturnya sudah tentu pula tumbuh serentak dengan pertumbuhan kehidupan itu.

Al-Quran membawa dasar-dasar hukum, di atas dasar-dasar hukum al-Quran itu, umat Islam menciptakan hukum-hukum yang diperlukan oleh kehidupan manusia yang penuh dengan berbagai-bagai masalah.

Dalam masa, Mu'az seorang sahabat besar Nabi, diangkat menjadi pesuruhjaya, Nabi bertanya kepadanya tentang hukum-hukum yang mesti dipakai abagi menyelesaikan berbagai-bagai masalah dalam daerahnya. Mu'az menjawab, bahawa ia akan memakai al-Quran.

“Kalau hukumnya tiada dalam al-Quran? Tanya Nabi lagi. “Saya akan mencari dalam hadis Nabi.” Jawab Mu'az.

“Kalau tidak ada juga?” Tanya Nabi lagi.

“Saya akan berijtihad atau saya akan pakai fikiran saya dan bertindak dengan itu” jawabnya. Jawapan Mu'az ini telah dipersetujui oleh Nabi dan diberinya selamat.

Kejadian ini menggambarkan dengan nyata, bahawa Islam menyuruh manusia berijtihad menggunakan akal dan pengetahuan, untuk menciptakan sesuatu hukum yang dipakai, dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul yang tidak dijumpai dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam hal ini orang memakai dasar-dasar yang ada dalam al-Quran untuk menjadi pedoman.

Dengan adanya difat mencipta ini, maka hukum Islam tidak beku seperti batu, tetapi hidup dan tumbuh di sepanjang masa.

akan sifat lapang dada atau “*tasāmuḥ*” [pula, ialah terhadap agama-agama, faham, atau pendirian-pendirian orang lain.

Islam mempunyai sifat lapang dada terhadap semua ini dalam perjuangan sejarah, hal ini terang, bagi orang yang mahu memperhatikannya pokok ajaran Islam yang termaktub dalam al-Quran, memuat dengan tegas, sifat berlapang dada ini.

Islam berlapang dada dengan memberikan kemerdekaan hidup bagi agama-agama lain. Islam melarang dengan keras akan tekanan atau paksaan menganut sesuatu agama oleh manusia. Oleh sebab itu, dalam negara-negara yang telah dikuasai oleh Islam, agama-agama lain tetapi hidup dengan baiknya. Dalam beberapa negara-negara Arab seperti Syria, Lebanon, Mesir, yang pernah atau sedang dikuasai Islam, agama Kristian tetap hidup dengan jayanya bahkan penulis-penulis Kristian sendiri mengakui bahawa Islam membiarkan bantuan yang sangat memuaskan.

Sebab Kemunduran Umat Islam

Setelah berkurun-kurun lamanya Islam hidup dan tumbuh menjadi punca peradapan dan kebudayaan dunia, akhirnya datanglah masa turun dalam kurun ketujuh sesudah Hijrah (kurun Masihi yang keempat belas), pelita peradapan Islam yang memancarkan cahayanya, beransur-ansur lenyap menuju padam, kerana umat Islam telah mulai meinggalkan al-Quran dan hadis. Perjuangan hidup, perseorangan dan negara (politik), tidak lagi bertujuan menegakkan al-Quran dan hadis, tetapi ditujukan kepada kepentingan diri dan golongan. Al-Quran tidak lagi dijadikan ideologi dan pedoman hidup masyarakat, tetapi telah dijadikan alat politik untuk memperkuat dan mempertahankan kekuasaan *dynastie* (keluarga Raja-P)

Islam telah menjadi alat dan hukum yang mati. Bahkan al-Quran pernah dipakai untuk menekan kemerdekaan berfikir

dan mengkritik dalam pemerintahan.

Dalam peperangan dunia pertama hancurlah seluruh negara Islam. Mereka dikalahkan dan dijajah oleh negara-negara di Barat, yang dahulu pernah belajar kepadanya.

Menuju Zaman Datang

Peperangan dunia kedua telah merombak jalan sejarah negara-negara penjajah kehilangan daya dan kekuatan akibat pukulan peperangan. Negara-negara Islam yang dahulunya terjajah mulai melepaskan diri dari penjajahan menurut cara-cara yang sesuai dengan mereka masing-masing. Ada yang sudah merdeka, setengah merdeka, dan ada pula yang sedang berjuang menentang penjajahan untuk menghadapi zaman datang, maka umat Islam, di Indonesia dan di seluruh dunia, yang sudah merdeka, setengah mereka, atau yang sedang berjuang, wajiblah kembali kepada al-Quran. Al-Quran wajib jadi pedoman dari ideologi yang akan ditegakkan dalam masyarakat, bukan jadi alat untuk keuntungan diri atau golongan.

Dalam perjuangan, menegakkan al-Quran dan hadis menjadi dasar kehidupan masyarakat dan negara, maka ada tinggi faktor penting yang mesti diperhatikan oleh umat Islam iaitu:

Pertama: Menyusun tenaga umat Islam.

Umat Islam wajiblah sedar bahawa mereka bertujuan satu, iaitu menegakkan al-Quran dan hadis, menjadi dasar kehidupan masyarakat dan negara. Pertubuhan-pertubuhan dan parti-parti Islam adalah saluran-saluran yang kita buat bersama-sama untuk menyalurkan tenaga umat Islam kemudian perjuangan, mengejar cita-cita.

Kedua: Membetulkan diri.

Dalam perjuangan itu, umat Islam hendaklah sanggup membetulkan diri sendiri, terhadap penyakit-penyakit berbahaya yang menimpa tubuh masyarakat Islam sekarang.

Di antara penyakit-penyakit itu, ialah:

(1) Orang-orang atau golongan yang menjadikan al-Quran alat untuk mencapai kepentingan sendiri. Mereka ini, wajiblah disandarkan dan dikembalikan kepada tujuan, menjadikan diri dan golongan, alat-alat menjalankan kandungan al-Quran dalam masyarakat.

(2) Faham buku yang membukukan Islam, menjadi hukum yang mati, yang tak dapat mengatur masyarakat yang tumbuh di dunia sekarang. Golongan yang berfaham demikian wajiblah disedarkan, bahawa isi al-Quran adalah hidup dan dapat tumbuh bersama pertumbuhan zaman.

Ketiga: Mengetahui Lawan.

Semenjak Islam lahir ke dunia, lawannya tak pernah berhenti melakukan serangan. Islam berada terus dalam serangan, di sepanjang umurnya. Ada masanya umat Islam menyedari itu, tetapi ada pula zamannya, yang mereka tidak menginsafi. Jika mereka menginsafi lawan yang menyerangnya maka hal itu akan menguntungkan mereka. Umat Islam biasanya bangun kerana wujudnya sesuatu bahaya.

Oleh sebab itu, umat Islam wajiblah mengenal lawan yang menentang cita-citanya, dan wajib mengatur siyasah perjuangan

MENUNGGKANLAH

“Jika kamu suka supaya kamu dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya, maka hendaklah kamu sempurnakan amanah apabila kamu dipercayai, dan hendaklah kamu benar apabila kamu berkata-kata, demikian juga hendaklah kamu perlakukan layanan yang baik kepada jiran tetangga kamu.”

-maksud hadis riwayat al-Ṭabrānī